



200 kakitangan SPNB ikrar bebas rasuah



KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali (hadapan empat dari kiri), menyerahkan dokumen lafaz Ikrar Bebas Rasuah kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan SPRM, Datuk Shamshun Bahari. Mohd Jamil (hadapan lima dari kiri), bersama sebahagian dari kakitangan Syarikat Perumahan Negara Berhad, dalam Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah bertempat di Wisma Perkeso, di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE/AMIN FARIJ HASAN

Zuhayati Yazid

27 Disember 2017 6:08 PM

KUALA LUMPUR 27 Dis. - Sebanyak 200 kakitangan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) hari ini mengambil inisiatif menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sebagai komitmen melaksanakan tugas dengan penuh amanah, menjauhkan daripada rasuah dan salah guna kuasa.

Lafaz ikrar tersebut diketuai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB Datuk Ahmad Azizi Ali sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil.

Ahmad Azizi berkata, lafaz ikrar ini dapat menimbulkan kesedaran akan bahaya rasuah di samping dapat mendidik masyarakat dalam usaha memerangi rasuah secara berterusan.

“Majlis yang diadakan ini merupakan wadah dalam membentuk dan membudayakan warga SPNB di semua peringkat jawatan agar berintegriti serta mempunyai keutuhan peribadi tinggi.

“Langkah ini sekali gus dapat memberi mesej kepada masyarakat bahawa kita akan menjalankan tugas dengan jujur dan amanah, dan mendokong semua prinsip pencegahan rasuah,” katanya ketika berucap dalam Majlis Menandatangani dan Melafazkan IBR di ibu pejabat SPNB di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pihak pengurusan SPNB tidak akan berkompromi untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana staf yang terlibat dalam perbuatan serta kesalahan jenayah rasuah. - UTUSAN ONLINE

[Tag Berkaitan](#)